

NO. DOKUMEN :JKNJ-G-AK 07

ARAHAN KERJA : PENGENDALIAN X-RAY PESAKIT DI FASILITI PERGIGIAN

No. Salinan Kawalan:

Dikeluarkan kepada:

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Pegawai Pergigian (PP) dan Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP) yang ada sijil kelayakan	1. MENGAMBIL X-RAY: 1.1 Sebelum mengambil X-ray, pastikan peralatan di bilik X-ray berada didalam keadaan baik. 1.2 Pastikan pesakit tidak mengandung (bagi pesakit perempuan), sekiranya mengandung, tangguhkan pengambilan X-ray. 1.3 Pilih jenis filem X-ray yang sesuai 1.4 Pasang/ hidupkan suis mesin X-ray. 1.5 Pasangkan apron pelindung sinaran X-ray pada pesakit. 1.6 Tetapkan aturan yang sesuai dengan kawasan mulut yang terlibat. 1.7 Letakkan filem X-ray di sebelah bahagian mulut yang berkenaan dengan menggunakan filem holder (jika perlu) dan pastikan filem kekal pada tempat tersebut. 1.8 Halakan tiub X-ray dengan betul ke atas bahagian mulut berkenaan. 1.9 Hidupkan suis lampu amaran bilik X-ray. 1.10 Pastikan operator berada di belakang skrin plumbum/dinding barium untuk perlindungan diri. 1.11 Tekan butang untuk memulakan pancaran sinaran X-ray. 1.12 Matikan suis dan kembalikan mesin X-ray ke posisi asal. Rujuk (Dokumen luaran): <i>Guidelines on Radiation Safety in Dentistry, November 2010</i>

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP	2. PEMROSESAN FILEM X-RAY 2.1 Keluarkan filem dari mulut pesakit. 2.2 Tanggalkan apron pelindung sinaran X-ray dan meletakkannya di tempat asal. 2.3 Proses filem X-ray mengikut arahan pengeluar bagi setiap jenis filem yang digunakan. Pastikan semua langkah-langkah di atas mengikut garis panduan kawalan jangkitan silang. Rujuk (Dokumen luaran): Garis Panduan Kawalan Infeksi di Fasiliti Kesihatan Primer edisi 2019.
PP/PPP	3. REKOD DAN PENYIMPANAN X-RAY 3.1 Keringkan filem X-ray yang telah siap diproses dan serahkan kepada Pegawai Pergigian untuk penilaian. 3.2 Rekodkan penemuan di dalam nota klinikal pesakit. 3.3 Setelah dipastikan X-ray adalah memuaskan, letakkan label pada filem X-ray dengan maklumat berikut: Nama ringkas pesakit (filem <i>periapical</i> dan <i>bitewing</i>) (Contoh: Mohd Adam Idris = MAI) i. Nama penuh (filem oklusal) ii. Enam digit terakhir no. kad pengenalan / passport iii. Tarikh X-Ray diambil Rujuk (Dokumen Luaran): <i>Malaysian Patient Safety Goals 2.0: Guidelines on Implementation and Surveillance</i> *arahan (goal ke-6) dimodifikasi mengikut kesesuaian kegunaan di fasiliti pergigian).

	3.4 Simpan X-ray di dalam sampul yang bertulis nama pesakit, no. kad pengenalan, label gigi dan tarikh X-ray diambil dan kepilkan pada kad rawatan pesakit berkenaan. 3.5 Bagi klinik yang menggunakan sistem elektronik, simpan X-Ray di tempat yang mudah dikesan. 3.6 Catatkan butiran X-ray yang di ambil ke dalam daftar pengambilan X-ray (BKPJ-BK-AK7-1). 3.7 Bagi lokasi yang menggunakan x-ray digital, X-ray pesakit direkod di dalam sistem X-ray digital menggunakan nama penuh pesakit dan no kad pengenalan/ passport 3.8 Bagi X-ray yang tidak memenuhi kriteria penilaian diagnostik klinikal, pengambilan X-ray perlu direkod dalam borang BK-Q9-1 dan filem tidak perlu disimpan. Rujuk Prosedur Kualiti: JKNJ-PK-Q9 Kawalan Produk yang Tidak Memenuhi Keperluan yang ditetapkan
--	--

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh:	Dr Nor Nasyitah Bt Ismail Pegawai Pergigian UG14	
Diluluskan oleh:	Datin Dr Nazita Binti Yaacob Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	